

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB TUAN CHE ALIAS ABD HAMID (KEMAMAN)
TARIKH : 24 OKTOBER 2019

SOALAN

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan cadangan untuk mewujudkan pondok polis komuniti di Pekan Kemasik bagi membantu pengurusan Balai Polis Air Jernih, Kemaman.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini, Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedang memberi tumpuan dan keutamaan bagi pembinaan projek sedia ada serta kerja-kerja menaiktaraf premis Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang sangat kritikal dan uzur serta memerlukan kerja pembaikan dengan kadar segera.

Walau bagaimanapun, jika terdapat keperluan untuk mewujudkan Pondok Polis Komuniti di Pekan Kemasik, Kemaman, KDN melalui PDRM akan meneliti untuk mempertimbangkan pelaksanaannya pada masa akan datang. Sebagai makluman juga, KDN melalui PDRM sentiasa melakukan kajian berterusan bagi mengenal pasti keperluan perjawatan dan menaiktaraf balai polis di seluruh negara.